

# PRUCash

Pelan simpanan dan perlindungan yang memberi anda

*perlindungan dan pembayaran tunai*



Mendengar. Memahami. Melaksana.



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential Assurance Malaysia Berhad  
198301012262 (107655-U)  
Ahli PIDM

Dalam hidup ini, anda pasti akan menempuh beberapa peristiwa penting. Antaranya termasuk kelahiran cahaya mata dalam keluarga, kemasukan anak-anak ke pusat pengajian tinggi atau membeli rumah baru. Semua ini memerlukan perbelanjaan. Alangkah baiknya jika terdapat satu pelan insurans yang bukan sahaja menyediakan perlindungan secukupnya kepada keluarga anda jika berlaku kejadian tidak diingini dalam hidup anda, malah turut memberi anda wang tunai pada tempoh tertentu untuk memenuhi keperluan kewangan semasa menempuh peristiwa penting dalam hidup anda.

Oleh kerana keprihatinan kami terhadap keperluan anda, Prudential memperkenalkan **PRUCash**, pelan tunggal yang menggabungkan **Perlindungan, Simpanan** dan **Kecairan Kewangan**.

### **Apakah ciri-ciri PRUCash?**

**PRUCash** ialah polisi bertempoh tetap yang boleh dibeli untuk jangka masa 20 hingga 30 tahun, dalam gandaan 2 tahun, dengan premium yang dibayar sepanjang tempoh polisi. Manfaat kehidupan sebanyak 6% daripada jumlah diinsuranskan akan dibayar setiap dua tahun untuk membekalkan aliran tunai kepada anda. Wang tunai tambahan ini membolehkan anda mencapai nikmat kecil kehidupan. Oleh itu, sambil anda menabung untuk masa depan, anda tidak akan terlepas peluang menikmati kemanisan hidup.

Anda boleh memilih untuk menerima manfaat kehidupan dalam bentuk wang tunai atau mengumpulkannya dan memperolehi faedah terkompaun sepanjang tempoh polisi. Sekiranya orang yang diinsuranskan meninggal dunia, pewaris akan menerima jumlah diinsuranskan sepenuhnya, serta bonus yang disertakan dan tunai terkumpul, tanpa mengira jumlah manfaat kehidupan yang sudah pun dibayar.

### **Apakah jenis bonus yang diterima?**

Selain daripada manfaat kehidupan, Prudential juga membolehkan anda berkongsi keuntungan menerusi **Bonus Berbalik<sup>#1</sup>** dan **Bonus Terminal<sup>#2</sup>**. Dua bonus tersebut diisyiharkan setiap tahun dan akan dibayar jika pemegang insurans meninggal dunia atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), apabila polisi matang atau apabila polisi diserahkan.

### **Berapakah jumlah yang akan dibayar?**

<b>Apabila meninggal dunia atau polisi matang</b>	Jumlah diinsuranskan; Bonus berbalik; Bonus terminal; dan Sebarang tunai terkumpul (dengan faedah), akan dibayar.
<b>Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) <sup>#3</sup></b>	Bayaran yang sama dengan manfaat kematian.

<b>Apabila polisi diserahkan</b>	Nilai tunai terjamin; Sebarang nilai tunai bonus berbalik; Sebarang nilai tunai bonus terminal; dan Sebarang tunai terkumpul (dengan faedah), akan dibaya
----------------------------------	--

## Apakah ciri tambahan yang ditawarkan oleh pelan ini?

Untuk melindungi keluarga anda daripada sebarang ancaman kesihatan atau kemungkinan, kami juga menawarkan manfaat tambahan bersama pelan **PRUCash**. Anda boleh mempertingkatkan pelan ini dengan menambah manfaat pilihan.

<b>Crisis Cover Benefit</b>	Memberi perlindungan terhadap penyakit kritikal, untuk bantuan di saat anda paling memerlukan.
<b>PRUWaiver</b>	Membatalkan semua premium masa depan sekiranya disahkan menghidap penyakit kritikal.
<b>PRUSpouse Waiver</b>	Membatalkan semua premium masa depan sekiranya pasangan meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh polisi atau TPD sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.
<b>PRUParent Waiver</b>	Membatalkan semua premium masa depan sehingga anak mencapai umur 25 tahun pada hari jadi akan datang sekiranya ibu/bapa meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.

## Siapakah yang harus mendapatkan pelan ini?

Pelan ini sesuai bagi mereka yang:

- mahukan satu pelan yang menggabungkan ciri-ciri simpanan dan perlindungan.
- menghargai kecairan kewangan dan ingin mendapatkan manfaat tunai tetap sambil menambahkan simpanan mereka.
- mahukan bayaran terjamin bagi jumlah diinsuranskan serta bonus untuk polisi insurans mereka.

## Pelan juvenil

Untuk pelan juvenil, sekiranya kanak-kanak mengalami TPD atau meninggal dunia sebelum umur 5 tahun pada hari jadi akan datang, jumlah asas dinsuranskan yang dibayar ialah 20% pada umur 1 tahun pada hari jadi akan datang, 40% pada umur 2 tahun pada hari jadi akan datang tahun, 60% pada umur 3 tahun pada hari jadi akan datang tahun dan 80% pada umur 4 tahun pada hari jadi akan datang tahun.

## Jumlah premium

Kadar premium berbeza-beza bergantung kepada usia penyertaan, jantina dan status merokok.

## Kekerapan dan kaedah pembayaran premium

Premium perlu dibayar sepanjang tempoh polisi dan bole dibayar secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan menerusi Debit Terus, Arahan Bank, Kad Kredit, Tunai atau Cek.

## Jenis pinjaman yang disediakan

Terdapat pinjaman Polisi, Pinjaman Premium Automatik dan pinjaman Yuran Pembedahan dan Kejururawatan (Tertakluk kepada terma dan syarat).

## Nota penting

### #1 Bonus berbalik

- Akan disediakan mulai tahun kalendar selepas ulang tahun kedua polisi.
- Akan dibayar apabila pelan matang, sekiranya orang yang dinsuranskan mengalami Kematian atau TPD, atau apabila polisi diserahkan.
- Polisi ini akan mempunyai nilai tuna selepas pembayaran premium telah dibuat untuk sekurang-kurangnya 3 tahun dan polisi telah berkuatkuasa selama 3 tahun.
- Nilai penuh Bonus Berbalik yang disyiharkan tidak akan dibayar sekiranya polisi ditamatkan, diserahkan atau ditukarkan lebih awal.

### #2 Bonus terminal

- Akan dibayar selepas pelan matang, sekiranya orang yang dinsuranskan mengalami kematian atau TPD, atau apabila polisi diserahkan.

### #3 TPD

- Bagi manfaat TPD, untuk jumlah yang diinsuranskan lebih daripada RM1 juta, kaedah pembayaran adalah berasaskan terma dan syarat kontrak polisi.

**Nota:** Bonus Berbalik Kompaun dan Bonus Terminal yang diisyiharkan adalah tidak dijamin dan akan bergantung pada keputusan operasi dan pelaburan sebenar yang dicapai oleh Prudential. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my) atau hubungi salah satu Perancang Kekayaan Prudential yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

## Nota Penting

- Kadar premium bagi **PRUCash**, dan Cash Booster adalah dijamin. Walau bagaimanapun, kadar premium bagi manfaat tambahan adalah tidak dijamin. Prudential berhak menyemak kadar premium bagi manfaat tambahan pada ulang tahun polisi dengan memberi notis terdahulu 90 hari.
- Anda hendaklah memastikan bahawa produk ini menepati keperluan anda. Anda juga hendaklah memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi ejen atau Perancang Kekayaan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Jika anda tidak membayar premium mengikut jadual, maka jumlah nilai tunai yang ada akan digunakan untuk membayar premium menerusi pinjaman Premium Automatik. Jika nilai tunai tidak mencukupi untuk membayar premium belum jelas atau pinjaman lain dengan syarikat, maka polisi anda akan luput.
- Jika anda membatalkan polisi ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak memperolehi nilai penuh daripada jumlah yang telah anda bayar.
- Jika polisi ini dikembalikan dalam tempoh percubaan selama 15 hari, premium penuh, termasuk cukai (jika ada) ditolak perbelanjaan perubatanan dibayar balik.
- Sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh setahun dari tarikh efektif polisi atau tarikh penguatkuasaan semula polisi, yang mana lebih kemudian, semua premium yang telah dibayar (tidak termasuk cukai, jika ada) akan dikembalikan tanpa faedah. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi, Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.
- Manfaat tertakluk kepada pengecualian, sila rujuk kepada klausu pengecualian dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk. Anda juga boleh merujuk kepada dokumen polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
- Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada lampiran keterangan produk dan Ilustrasi Produk sebelum membeli pelan ini, serta merujuk kepada terma dan syarat di bawah pelan ini dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
- Sekiranya terdapat sebarang perenggahan atau ketakselarasian antara versi risalah ini dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina dan bagi tujuan interpretasi, versi risalah ini dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan diberi kuatkuasa.
- Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Perancang Kekayaan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.